



PENGHAYATAN erti kemerdekaan sebenar perlu dipupuk sejak kecil.

MASIH belum terlewat untuk kita memberi penghayatan kemerdekaan kepada mereka.
- Gambar hiasan

Merdeka seorang remaja

KOSMO 15/08/08 MIS 26

Negara bakal menyambut kemerdekaan kali ke-51 pada 31 Ogos ini. Soalnya, adakah remaja kita 'mencapai kemerdekaan' dalam erti kata yang sebenar?

Oleh NOOR HASLIZA NUSI
hasliza.nusi@kosmo.com.my

'TANGGAL 31, bulan lapan lima puluh tujuh, merdeka merdeka, tetaplah merdeka, ia pasti menjadi sejarah.'

Bait-bait lagu bertemakan kemerdekaan, dendangan Allahyarham Sudirman Haji Arshad itu begitu mendalam maknanya dan mampu meruntun jiwa sesiapa sahaja yang mendengarnya.

Lagu ini merupakan antara medium yang berpaksikan matlamat untuk menghargai, menghayati dan menjiwai semangat kemerdekaan.

Justeru, dalam meniti detik kemerdekaan tanah air buat kali ke-51 pada tahun ini, menjadi suatu kewajipan untuk semua





TIDAK semua daripada remaja hari ini mencapai kemerdekaan dalam erti kata yang sebenar. - Gambar hiasan

rakyat Malaysia menanam rasa bangga dengan kemerdekaan yang tidak ternilai harganya ini.

Ungkapan peribahasa 'Melen-tur buhuh biarlah dari rebungnya' menjelaskan bahawa dalam usaha memupuk semangat cintakan negara dan menghayati pengertiannya dalam kalangan anak-anak, khususnya remaja, mereka perlu diberi pendekatan bahawa merdeka bukan sekadar bererti bebas daripada penjajah sehingga boleh melakukan apa sahaja yang melampaui tatasusila, budaya, keagamaan dan perundangan.

Perunding Psikologi Keluarga dan Guaman Syarie, Suzana Ghazali, menjelaskan, sama ada kanak-kanak atau golongan muda, mereka perlu diserapkan dengan nilai-nilai patriotisme serta menghayati kemerdekaan negara yang sebenar menerusi didikan.



MENJADI kewajipan untuk semua rakyat Malaysia menanam rasa bangga terhadap kemerdekaan yang telah dicapai ini.

"Selain mendidik mereka tentang sejarah kemerdekaan, mereka juga perlu didedahkan dengan kefahaman dan tanggungjawab mendaulatkan martabat bangsa, agama dan negara.

"Walaupun kemerdekaan perlu ditafsir dan dipupuk kepada golongan muda seawal usia setahun jagung, masih belum terlewat untuk kita memberi penghayatan kemerdekaan kepada mereka," katanya.

Suzana juga berkata, tidak semua daripada remaja hari ini mencapai kemerdekaan dalam erti kata yang sebenar.

"Selama 51 tahun yang lalu, penduduk berusaha untuk memerdekakan tanah air daripada penjajah. Walaupun negara kita telah mencapai kemerdekaan, malangnya hari demi hari, jiwa dan pemikiran kebanyakan daripada rakyat Malaysia masih dijajah. Ini termasuklah kebanyakan anak-anak muda yang lahir selepas tarikh bersejarah tersebut.

"Ramai dalam kalangan kita terikut-ikut dengan budaya hidup bekas penjajah. Dan ramai yang tidak sedar bahawa penjajah sentiasa berusaha untuk menakluk

jiwa masyarakat kita.

"Buktinya, ramai masyarakat hari ini yang hidup tidak berlandaskan ajaran Islam dan lebih memuja budaya barat, banyak terlibat dalam aktiviti yang merosakkan diri, bangsa, agama dan boleh memundurkan negara."

Selain itu, jelasnya, terdapat faktor lain yang mempengaruhi atau mendekatkan anak-anak remaja yang belum lagi mencapai kemerdekaan sejati. Antaranya seperti berikut:

Kurang didikan agama

Islam menekankan ketinggian ilmu dan kesempurnaan akhlak. Apabila dua aspek utama ini tidak diamalkan dalam kehidupan, memang sukar untuk mencapai kemerdekaan yang sebenarnya.

Islam tidak mengenyepikan tuntutan untuk belajar ilmu, selain ilmu agama. Namun, ilmu agama adalah subjek yang wajib dipelajari dan diamalkan agar kesempurnaan akhlak dapat dikekalkan, barulah generasi itu betul-betul merdeka.

Kelemahan bimbingan dan perhatian ibu bapa

Pengaruh luar (penjajah) telah berjaya mengalih perhatian ibu bapa daripada tanggungjawab menguruskan anak-anak kepada mencari kekayaan. Anak-anak yang tidak memperoleh bimbingan dan



PENGARUH rakan sebaya boleh menyebabkan anak-anak terjebak dalam kegiatan tidak bermoral. - Gambar hiasan

perhatian penuh daripada ibu bapa, mudah terikut-ikut dengan budaya yang tidak sihat. Malah, anak-anak yang tidak dipantau pergerakan hariannya dan siapa rakan mereka juga, sukar untuk mencapai kemerdekaan diri yang sepenuhnya.

Pengaruh media

Media berperanan penting dalam membentuk akhlak, begitu juga sebaliknya. Anak-anak yang 'jauh' daripada ibu bapa akan berusaha untuk mencari 'ubat kesepian' dan ubat paling mudah ialah media, sama ada elektronik atau media cetak. Bila ilmu tiada dan jiwa pula kosong, anak-anak lebih mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang meng-

hiburkan dan dalam masa yang sama tidak memberikan manfaat kepada kehidupan mereka.

Pengaruh rakan

Pengaruh rakan sebaya adalah faktor pemangkin paling kuat. Anak-anak akan lebih mudah percayakan rakan-rakan berbanding ibu bapa kerana faktor usia yang kononnya, lebih memahami jiwa mereka. Lantaran itulah, ibu bapa perlu mengenali rakan anak masing-masing.

Dalam bentuk pendekatannya pula kata Suzana, sebagai ibu bapa dan golongan bertanggungjawab, kaedah paling utama dalam memerdekakan anak-anak ialah kesedaran ibu bapa itu sendiri.

"Masih ramai ibu bapa yang terlupa tentang hakikat hidup sebenar di dunia ini. Ada yang tidak tahu tanggungjawab dan kewajipan sebenar sebagai ibu bapa.

"Setiap ibu bapa wajib melaksanakan tanggungjawab kepada anak-anak mereka. Kegagalan mereka berbuat demikian bukan sahaja menyusahkan mereka di kemudian hari, malah menyusahkan ahli masyarakat lainnya," tegasnya.

Dalam membentuk jati diri dan semangat merdeka anak-anak, pihak berkuasa merupakan pihak kedua yang bertanggungjawab memantau setiap aktiviti hiburan yang diketengahkan.

"Mereka perlu lebih tegas dalam memantau setiap aktiviti masyarakat termasuklah program hiburan. Tidak salah berhibur, tetapi janganlah mengikut hiburan budaya barat yang rata-ratanya merosakkan akhlak.

"Selain itu, program-program ilmu perlu lebih diperhebat, bukannya berebut mencari idola yang tidak menguntungkan negara dan agama," ujarnya.

Menurutnya, menjadi tanggungjawab setiap masyarakat untuk menyedarkan setiap penghuninya yang lalai. Kaedah paling berkesan ialah kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya.

Ini dapat dilihat apabila ramai masyarakat hari ini yang hanya Islam pada nama, sebaliknya amalan dan cara hidup langsung tidak berlandaskan ajaran Islam.